



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2021

MPP 1

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

1 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Puan Hasmizam:

- Memulakan perniagaan menjual perabot pada 1 Jun 2019
- Tempoh perakaunan perniagaannya berakhir setiap enam bulan

Antara berikut, yang manakah tempoh perakaunan Puan Hasmizam?

- A 1 Jun 2019 hingga 30 November 2019
 - B 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019
 - C 1 Jun 2019 hingga 31 Oktober 2019
 - D 1 Jun 2019 hingga 30 Ogos 2019
- 2 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
- A Konsep perakaunan
 - B Sistem perakaunan
 - C Prinsip perakaunan
 - D Kitaran perakaunan
- 3 Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri Maju Terus Sdn Bhd.?
- I Liabiliti pemilik tidak terhad
 - II Dikenakan cukai keuntungan syarikat
 - III Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - IV Laporan kewangan diumumkan kepada orang ramai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai menjual komputer?
- A Jualan 5 unit dakwat pencetak
 - B Untung hasil jualan perabot lama
 - C Penerimaan wang sewa ruang niaga
 - D Dividen diterima daripada pelaburan saham

- 5 Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu,urus niaga:

Akaun Kadar bayaran

Jun 30 Kadar bayaran belum bayar	80
----------------------------------	----

Akaun Kadar bayaran belum bayar

	Jun 30 Kadar bayaran	80
--	----------------------	----

Prinsip manakah yang diamalkan?

- A Ketekalan
 B Kos manfaat
 C Usaha berterusan
 D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 6 Antara berikut, yang manakah rumus persamaan perakaunan yang **betul**?
- I Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik
 II Aset = Liabiliti – Ekuiti Pemilik
 III Aset = Liabiliti + Modal + Untung Bersih
 IV Aset = Liabiliti + Modal + (Hasil – Belanja)
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C II, III dan IV
 D I, III dan IV
- 7 Pada 1 Ogos 2020, Emilia telah menerima pinjaman daripada Bank Islam Berhad sebanyak RM50 000.

Apakah catatan bergu yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Bank	Pinjaman
B	Pinjaman	Bank
C	Bank	Bank Islam Berhad
D	Bank Islam Berhad	Bank

- 8 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Ahmad:

Membayar kepada Pembekal Omar RM6 200 dengan cek dan menerima diskaun RM150

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Hasil (RM)
A	+ 6 050	+ 6 200	+ 150
B	+ 6 200	+ 6 350	- 200
C	- 6 200	- 6 350	+ 150
D	- 6 050	- 6 200	- 150

- 9 Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan:

X	Y
Pemilik mengambil tunai untuk kegunaan peribadi	Pemilik membawa masuk tunai kedalam perniagaan

Apakah kesan urus niaga X dan Y terhadap Akaun Modal?

	X	Y
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang
D	Berkurang	Bertambah

- 10 Kedai Perabot Azira menjual pelbagai jenis perabot tempatan dan import sejak tiga tahun lepas.

Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi Kedai Perabot Azira?

- A Insurans atas belian, gaji dan promosi
- B Duti import, kadar bayaran dan alat tulis
- C Belanja membaiki, angkutan keluar dan insurans
- D Inventori alat tulis, sewa dibayar dan diskaun diberi

11 Data 1 diperoleh daripada buku perakaunan Azmi pada 31 Julai 2020.

	RM
Akaun Belum Terima	2 400
Alatan pejabat	5 300
Inventori akhir	8 700
Perabot	3 950
Inventori Alat tulis	110
Pinjaman	6 500

Data 1

Berapakah jumlah aset semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM8 700
 - B RM8 810
 - C RM11 100
 - D RM11 210
- 12 Apakah dokumen yang digunakan dalam urus niaga tunai?
- A Invois
 - B Nota Debit
 - C Nota Kredit
 - D Baucer pembayaran
- 13 Maklumat berikut merupakan ciri suatu dokumen:

- Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank
- Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah mengurangkan akaun dengan jumlah tertentu

Apakah dokumen tersebut?

- A Slip bank
- B Penyata akaun
- C Makluman debit
- D Makluman kredit

14. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?

- I Membeli barang niaga secara tunai
- II Membeli barang niaga secara kredit
- III Memulangkan barang niaga yang rosak
- IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Dokumen berikut dihantar oleh Galeri Sukan Baru kepada Akif Enterprise pada 8 Ogos 2020:

ASAL		INVOIS			No.: 7044
		GALERI SUKAN BARU			
		Jalan Kampung Dalam, Kuala Terengganu			
					Tarikh : 8 Ogos 2020
Kepada					
Akif Enterprise					
Terengganu					
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT	JUMLAH	
1	Kemeja 'T' - Perempuan	50 helai	22.00	1 100	
2	Kemeja 'T' - Lelaki	30 helai	20.00	600	
3	Track suit	10 pasang	180.00	1 800	
				3 500	
Tolak: Diskaun niaga 10%				700	
				JUMLAH	2 800
Ringgit: (Dua ribu lapan ratus sahaja)					
Syarat : 10% 7 hari, 5% 10 hari					
Serahan : Angkutan dibayar					
K.&K.dik					
Akif			Ali		
Penerima			Pengurus		

Hitungkan jumlah yang harus dibayar oleh Encik Akif jika beliau membuat bayaran pada 16 Ogos 2020.

- A RM140
- B RM280
- C RM2 520
- D RM2 660

- 16 Dokumen berikut diterima oleh Farah Enterprise:

MAKLUMAN KREDIT	
BANK MUU BERHAD	
Jalan Bandar, Kuala Terengganu	
Tarikh : 20 Julai 2020	
Kepada, Farah Enterprise, Terengganu	
<u>Akaun tuan telah dikreditkan kerana dividen daripada Syarikat Forex Bhd.</u>	
<u>RM3 000</u>	
Pengurus	

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A Debit ruangan tunai RM3 000
 B Debit ruangan bank RM3 000
 C Kredit ruangan tunai RM3 000
 D Kredit ruangan bank RM3 000
- 17 Jurnal Pulangan Belian berikut diambil daripada buku perniagaan seorang peniaga:

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
Okt 6	Kamil Enterprise	500
15	Kedai Abdullah	700
31	X	1 200

www.banksoalanspm.com

Apakah butir X?

- A Akaun Belian
 B Akaun Belum Bayar
 C Akaun Pulangan Belian
 D Jumlah Jurnal Pulangan Belian
- 18 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Man bagi bulan Mei 2020:

	RM
Baki awal bulan	55
Jumlah penerimaan	295
Jumlah pembayaran	280
Baki akhir bulan	70

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

Berapakah jumlah wang panjar pada awal setiap bulan?

- A RM350
- B RM295
- C RM280
- D RM70

- 19 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperolehi daripada buku Salmah Enterprise pada bulan Ogos 2020:

Akaun Kawalan Belum Terima					
2020			2020		
Ogos 1	Baki b/b	1 800	Ogos 31	Bank	2 900
31	Jualan	2 850		Pulangan jualan	180
				Diskaun diberi	360
				P	340
				Baki h/b	870
		<u>4 650</u>			<u>4 650</u>

Apakah butiran **P**?

- A Belian
 - B Hutang lapuk
 - C Faedah dikenakan
 - D Bank (Cek tak layan)
- 20 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang perbezaan Lejar Belian dengan Lejar Jualan?

	Lejar Belian	Lejar Jualan
I	Mencatat semua Akaun Belum Bayar	Merekod semua Akaun Belum Terima
II	Mengandungi semua akaun belanja	Mengandungi semua akaun hasil
III	Melibatkan urus niaga belian kredit	Melibatkan urus niaga jualan kredit
IV	Melibatkan urus niaga belian tunai	Melibatkan urus niaga jualan tunai

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

21. Pada 9 Mac 2020, pemilik Kedai Zul telah mengambil inventori bernilai RM400 untuk kegunaan keluarga.

Catatan Jurnal Am manakah yang betul untuk merekodkan perkara tersebut.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Mac 9	Ambilan	RM 400	RM
	Belian		400

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Mac 9	Belian	RM 400	RM
	Ambilan		400

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Mac 9	Ambilan	RM 400	RM
	Inventori		400

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Mac 9	Inventori	RM 400	RM
	Ambilan		400

22. Jurnal Jualan berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Adam:

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2020		RM
Jun 5	P	3 400
15	Q	4 500
30	Akaun Jualan	7 900

Nyatakan pihak yang mewakili P dan Q ?

- A Perniagaan Adam
- B Akaun Belum Terima Syarikat Amirul
- C Pembekal Hamadi
- D Akaun Belum Bayar Syarikat Amirul

23. Pada 1 Jun 2020, ketua juruwang Perniagaan Darul Mukhsin telah memberi kerani akaunnya RM200 untuk membiayai belanja runcit bagi bulan tersebut. Sepanjang bulan itu, sejumlah RM120 telah digunakan untuk perbelanjaan runcit.

Hitung jumlah wang yang akan dibayar balik oleh ketua juruwang kepada kerani akaunnya pada awal bulan Julai.

- A RM80
- B RM120
- C RM200
- D RM321

24. Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu sistem dalam perakaunan:

Buku X digunakan untuk merekod semua jenis urusniaga perniagaan secara tepat dan sistematik menggunakan sistem Y

Apakah X dan Y?

	Buku X	Sistem Y
A	Jurnal Am	Sistem Catatan Tunggal
B	Buku Tunai Runcit	Sistem Inventori berterusan
C	Lejar	Sistem Catatan Bergu
D	Buku Tunai	Sistem Panjar Runcit

25. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Alat Tulis Farisha:

Akaun Lengkapan			
		Kedai Teguh	RM 1 400
Akaun Kedai Teguh			
		Lengkapan	RM 1400

Apakah pengelasan lejar bagi akaun tersebut?

	Akaun Lengkapan	Kedai Teguh
A	Lejar Am	Lejar Am
B	Lejar Am	Lejar Belian
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

26. Pilih padanan bagi akaun nyata dan nominal yang betul.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Belian	Promosi
II	Bank	Inventori
III	Kenderaan	Gaji
IV	Perabot	Jualan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Pernyataan manakah yang **benar** tentang peraturan merekodkan urus niaga ke dalam lejar?

- A Aset didebitkan apabila bertambah
- B Hasil dikreditkan apabila berkurang
- C Liabiliti didebitkan apabila bertambah
- D Ekuiti pemilik dikreditkan apabila berkurang

28. Apakah tujuan Akaun Kawalan disediakan?

- A Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- B Mengawal aliran masuk dan aliran keluar tunai perniagaan
- C Menghitung lebihan tunai perniagaan pada tarikh imbangan
- D Menyemak ketepatan catatan dalam Lejar Belum Terima dan Lejar Belum Bayar

29. Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- I Belian tunai
- II Diskaun diterima
- III Hutang Lapuk
- IV Jumlah bayaran kepada Akaun Belum Bayar

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

30. Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Diva:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2019		
	Debit	Kredit
Sewa	300	
Bank		1 300

Manakah yang **benar** mengenai Imbangan Duga di atas?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Sewa Diterima	Overdraf Bank
B	Sewa Diterima	Tunai di Bank
C	Sewa Dibayar	Tunai di Bank
D	Sewa Dibayar	Overdraf Bank

31. Maklumat di bawah ini menunjukkan petikan akaun Perniagaan Misbah:

X					
2020		RM	2020		RM
Jun 12	Pulangan Belian	420	Jun 10	Belian	5 000

Nyatakan akaun X dan hitungkan bakinya?

	Akaun X	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	RM 4580	
B	Akaun Belum Terima		RM 4580
C	Akaun Belum Bayar	RM 4580	
D	Akaun Belum Bayar		RM 4580

32. Urusniaga berikut diambil daripada Perniagaan Yap:

Menjual motosikal terpakai kepada Freddie dengan harga RM 3500 secara tunai

Pilih catatan bergu yang sesuai bagi urus niaga di atas.

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Kenderaan
C	Akaun Freddie	Akaun Kenderaan
D	Akaun Kenderaan	Akaun Freddie

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

33. Berikut adalah petikan Imbangan Duga Haikal Maju:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
	Debit	Kredit
P	2 320	
Q		504

Apakah P dan Q ?

	P	Q
A	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
B	Inventori awal	Inventori Akhir
C	Jualan	Diskaun Diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan Belian

34. Jadual menunjukkan catatan bergu beberapa urus niaga yang diperolehi daripada rekod perakaunan Al-Hamid Enterprise.

	Urus niaga	Debit	Kredit
I	Belian barang niaga daripada Perniagaan Pihak	Belian	Perniagaan Pihak
II	Ambilan barang niaga untuk promosi	Ambilan	Promosi
III	Jualan perabot terpakai dengan cek	Bank	Perabot
IV	Memasukkan tunai peribadi ke dalam akaun bank perniagaan	Modal	Bank

Pilih catatan bergu yang betul

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan II
- D III dan IV

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

35. Petikan Akaun Kawalan Belum Bayar yang berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Farisha:

Akaun Kawalan Belum Bayar					
2020		RM	2020		RM
Okt. 31	Bank	20 800	Okt. 31	Baki b/b	10 400
	Diskaun diterima	1 280			
	Baki h/b	8 800			

Berapakah belian kredit?

- A RM8 800
- B RM10 400
- C RM20 480
- D RM30 880

Soalan 36 dan 37 berdasarkan maklumat yang diperolehi di bawah:

	RM
Inventori awal	4 640
Inventori akhir	5 560
Belian	19 440
Pulangan keluar	880
Angkutan masuk	720
Pulangan masuk	1 040
Jualan	29 640

36. Berapakan kos jualan?
- A RM10 240
 - B RM18 360
 - C RM18 560
 - D RM19 280
37. Berapakah Untung kasar yang akan diperolehi?
- A RM9 640
 - B RM10 240
 - C RM10 840
 - D RM12 280

SULIT

PRINSIP PERAKAUNAN

38. Item manakah yang akan menambahkan kos belian?.

- A Gaji
- B Jualan
- C Duti import
- D Angkutan keluar

39. Penyata kedudukan Kewangan berikut diperolehi daripada Perniagaan Nadirah:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020	
	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	32 000
Alatan Pejabat	40 000
 <u>Aset Semasa</u>	
Inventori Akhir	3 600
Akaun Belum Terima	10 880
Bank	4 800
 <u>Liabiliti Semasa</u>	
Akaun Belum Bayar	3 760

Hitung Modal Kerja pada 31 Mac 2020.

- A RM 15 520
 - B RM 95 040
 - C RM 48 960
 - D RM 87 520
40. Butiran manakah yang dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- I Ekuiti pemilik
 - II Inventori akhir
 - III Kadar bayaran
 - IV Inventori awal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV

SOALAN TAMAT

Dapatkan Skema di
www.banksoalanspm.com